

PENERAPAN ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK) DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB SEKOLAH RENDAH TAHUN ENAM

¹Ghazali Zainuddin, ¹Noor Azli Mohamed Masrop,
¹Muhammad Firdaus Abdul Manaf & ²Muhammad Sabrir Shahrir
ghazali@kuis.edu.my, noorazli@kuis.edu.my, firdaus@kuis.edu.my, &
muhsabri@iium.edu.my

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

²Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, UIAM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kadar penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang terkandung dalam buku Teks Bahasa Arab tahun Enam sekolah rendah di Malaysia. Ini kerana Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan tahun 2011 telah membawa satu bentuk pembaharuan dalam kandungan buku teks iaitu penambahan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang terdiri daripada elemen bahasa, sains dan teknologi, nilai murni, patriotisme, alam sekitar, keusahawanan, dan lain-lain. Kajian ini melibatkan penelitian Buku Teks Bahasa Arab Tahun Enam serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran bagi tahun tersebut. Ia menggunakan kaedah Analisis Tematik terhadap dua unsur iaitu kosa kata dan ilustrasi. Hasil daripada kajian ini digunakan dalam merekabentuk pembangunan model permainan mobil Bahasa Arab untuk sekolah rendah di Malaysia serta membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah.

Kata Kunci: Elemen Merentas Kurikulum, Permainan Mobil, Analisis Tematik, Buku Teks Bahasa Arab Tahun Enam, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

1.0 PENGENALAN

Transformasi dalam sistem pendidikan Malaysia telah mencetuskan satu perubahan besar terhadap penstrukturan semula kurikulum pendidikan demi memenuhi aspirasi negara pada masa kini. Malaysia ke arah melahirkan modal insan yang seimbang bertaraf global tanpa mengeneipkan nilai-nilai murni seorang insan kamil. Kurikulum pertama yang dilaksanakan selepas negara Malaysia mencapai kemerdekaan ialah Kurikulum Lama Sekolah Rendah. Perubahan dalam sesebuah kurikulum perlu dilakukan demi menambahbaik matlamat dan kandungan kurikulum tersebut. Oleh itu, pada tahun 1983, wujudnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) menggantikan kurikulum lama. Seterusnya, diikuti Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993 kemudian kurikulum tersebut telah dibuat semakan pada tahun 2003.

Namun, dalam tempoh masa tidak sampai sepuluh tahun, telah berlaku perubahan terhadap kurikulum pendidikan negara dengan kemunculan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Transformasi ini adalah seiring dengan matlamat yang ingin dicapai mengikut ‘acuan’ yang telah dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu : *Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.* (Akta Pendidikan 1996: Akta 550).

Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran untuk semua mata pelajaran termasuk Bahasa Arab yang mengandungi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah digubal adalah bertujuan untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (DSKP Bahasa Arab Tahun 6, 2015). Sebagai satu alternatif, kerajaan untuk menggalakkan

pembelajaran bahasa tambahan selain bahasa Inggeris seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Selain itu, kurikulum ini juga memberi penumpuan terhadap penguasaan kemahiran asas (kemahiran berbahasa) bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran-kemahiran ini dinyatakan secara spesifik dalam standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditentukan. Murid yang berjaya menguasai kesemua kemahiran ini dapat meningkatkan kesediaan mereka untuk berinteraksi dengan bebas (*independent proficiency*) iaitu sejajar dengan gagasan CEFR (*Common European Framework of Reference for Language*).

Hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 dengan memberi fokus kepada pemikiran kritis, kreatif dan inovatif dan nilai-nilai murni. Kemahiran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai ciri-ciri yang mampu berdaya saing di peringkat global. Selain itu, elemen merentas kurikulum turut dimasukkan dalam kurikulum bahasa Arab seperti matapelajaran-matapelajaran lain. Elemen ini menjadi unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016)

Tujuan penerapan elemen ini adalah untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan dalam FPK serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. EMK dalam KBSR dan KBSM masih diguna pakai dalam pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) dan KSSM. Elemen-elemen dalam EMK seperti berikut: bahasa, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi, nilai murni, patriotism, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pendidikan kewangan, keselamatan jalan raya dan kelestarian global. Justeru, penguasaan Standard Kandungan dan Standard Prestasi dalam kurikulum Bahasa Arab berserta penerapan elemen-elemen EMK dapat menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad 21 dalam kalangan murid.

Justeru, kajian ini memaparkan kadar penerapan Elemen Merentas Kurikulum di dalam buku teks Bahasa Arab Tahun Enam. Ia penting bagi menilai keseimbangan setiap

elemen untuk dicerna oleh para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di sekolah.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kadar penerapan Elemen Merentas Kurikulum yang terdapat dalam buku teks Bahasa Arab Tahun Enam sekolah rendah. Kajian dijalankan menerusi analisis terhadap kosa kata dan ilustrasi yang terkandung dalam buku teks tersebut. Kajian ini akan menjelaskan taburan elemen yang terdapat dalam buku teks tersebut. Ia akan dapat membantu dalam proses rekabentuk dan pembangunan permainan mobil berasaskan EMK Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

2.0 METODOLOGI

Kertas ini membincangkan nilai buku teks Bahasa Arab tahun enam secara kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif, walaupun kurang digunakan di dalam akademia (Boyatzis, 1998; Roulston, 2010). Walaupun demikian, kaedah ini amat berkesan bagi menganalisa paten dan tema dalam mana-mana sumber rujukan bagi meluaskan lagi ruang penyelidikan dalam bidang pengetahuan yang spesifik.

Menurut Braun dan Clarke (2006), terdapat 6 proses yang digunakan bagi menganalisis data tematik dalam penyelidikan, seperti berikut:

- i. Mengumpul dan menyorot data kajian.
- ii. Menghasilkan kodifikasi awal.
- iii. Mencari tema-tema.
- iv. Membuat sorotan tema.
- v. Memperhalusi pengkategorian tema.
- vi. Menghasilkan laporan.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan pencarian berkaitan sebarang petunjuk elemen merentas kurikulum yang ada di dalam buku teks Bahasa Arab Tahun Enam dalam bentuk kosa kata dan ilustrasi. Kajian ini menggunakan istilah ilustrasi yang telah

didefinisikan oleh Fleishman (2004) yang membawa erti sejenis penjelasan melalui proses seni dalam bentuk lukisan, gambar foto mahupun gambar rajah. Dalam konteks penerbitan buku, ilustrasi merangkumi bidang yang lebih luas meliputi segala jenis lakaran, graf, gambar rajah, gambar foto, pelan, peta, segala rajah berbentuk teknikal dan lain-lain. Kemudian penyelidik menterjemahkan kadar kekerapan penggunaan elemen ini kedalam bentuk peratusan untuk memudahkan pemahaman pembaca.

3.0 LATAR BELAKANG BUKU TEKS BAHASA ARAB TAHUN ENAM

Buku teks yang dipilih untuk dinilai ialah buku teks Bahasa Arab Tahun Enam. Buku ini dikarang oleh Muhammad Haji Ibrahim dan Mohamad Zawawi Awang Hamat serta disunting oleh Zaida Ahmad. Kajian ini menilai buku cetakan pertama (2015) di dalam Bahasa Arab. Buku ini dikarang berpandukan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan dicetak oleh Pencetakan Halim Sdn. Bhd menggunakan tulis jenis *Traditional Arabic* di dalam saiz 22/14.

Buku ini mempunyai 137 muka surat semuanya termasuk muka depan dan belakang. Kebanyakan halaman dalam buku ini adalah halaman berwarna. Buku ini mempunyai enam bab. Tajuk-tajuknya adalah Hari Sukan Sekolah, Bentuk-bentuk di sekeliling kita, Alangkah Indahnya alam ini, Kumpulan Mana Yang Anda Sertai? , Sistem Pengangkutan di Negara kita, dan Kelebihan Teknologi Moden.

Bab Pertama adalah Hari Sukan Sekolah, ia adalah tajuk bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang hari sukan, acara-acara yang dipertandingkan, perbualan ringkas mengenai sukan dan watak-watak yang terbabit dengan sukan dalam Bahasa Arab. Tumpuan juga diberi terhadap penamaan nama kumpulan menggunakan warna. Aktiviti-aktiviti sampingan bertemakan sukan turut dimuatkan dalam bab ini tajuk ini adalah seperti Nashid, teks ucapan hari sukan, dan sebagainya. Penekanan bab ini adalah penggunaan kata sendi "حرف الجر" sebagai pelengkap kepada pelajar dalam membuat ayat.

Bab kedua pula adalah bentuk-bentuk di Sekeliling kita, tajuk ini bertujuan memberi kefahaman tentang bentuk-bentuk yang berkaitan dengan pelbagai benda yang ada di sekeliling pelajar. Bentuk-bentuk tersebut seperti segitiga, segi empat tepat, bulat, bujur, dan kon. Melalui proses pengecaman bentuk tadi diharap dapat membantu pelajar dalam

membina ayat mudah menerusi pengamatan mereka kepada sifat sesuatu benda. Justeru, proses asimilasi budaya Arab dapat diterapkan kepada pelajar dengan mudah bagi memudahkan mereka dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Bab ini juga menekankan penggunaan kata sendi "حرف الجر" sebagai pelengkap kepada pelajar dalam membuat ayat.

Manakala bab yang ketiga adalah berkaitan alam sekitar. Dengan menggunakan tajuk yang agak menarik iaitu "Alangkah Indahnya Alam ini", pelajar akan diperkenalkan dengan nama-nama planet, bintang, bulan, pelangi dan apa yang terkandung dalam alam semesta secara ringkas menggunakan Bahasa Arab. Di dalam bab ini, pelajar akan berinteraksi dengan alam sekitar. Penumpuan diberikan kepada penggunaan kata ganti diri dan susunan urutan nombor dalam Bahasa Arab.

Tajuk bab keempat menjurus kepada kehidupan pelajar di sekolah iaitu "Kumpulan Mana Yang Anda Sertai?". Perkataan "Kumpulan" di dalam tajuk ini merujuk kepada persatuan, kelab dan rumah sukan yang ada di sekolah semasa aktiviti ko-kurikulum dijalankan. Antara persatuan dan kelab yang menjadi pilihan adalah seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Pengakap, Kadet, Kelab Catur dan sebagainya. Penumpuan diberikan kepada penggunaan kata ganti diri yang bersambung dengan kata nama dan susunan urutan nombor (91-10) dalam Bahasa Arab.

Bab kelima pula memaparkan tajuk Sistem Pengangkutan Di Negara Kita. Pelajar didedahkan dengan nama-nama kenderaan darat, laut dan udara yang ada di Malaysia. Pendedahan juga diberikan dalam menambah perbendaharaan kata mengenai stesen bas, lapangan terbang dan sebagainya. Penumpuan diberikan kepada penggunaan kata ganti diri yang bersambung dengan kata kerja dan susunan urutan nombor (11-19) dalam Bahasa Arab.

Tajuk untuk bab terakhir adalah "Kelebihan Teknologi Moden", tajuk ini bertujuan memberi kefahaman tentang kelebihan dan faedah teknologi moden dan kegunaannya dalam kehidupan. Kandungan tajuk ini menyentuh penggunaan email, telefon pintar, tab, komputer, dan sebagainya. Penumpuan diberikan kepada penggunaan kata ganti diri yang bersambung dengan kata kerja *Mudhari`* dan *`Amr* dan susunan urutan nombor (21-99) dalam Bahasa Arab.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Taburan Elemen EMK Yang Terdapat Buku Teks Bahasa Arab Tahun Enam

Bil.	Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Kosa kata (%)	Ilustrasi (%)
1.	Bahasa		
2.	Sains dan Teknologi	23.8	76.2
3.	Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK)	74.8	25.2
4.	Nilai Murni	47.3	52.7
5.	Patriotisme	0.67	0.33
6.	Kreatif dan Inovatif	11.1	88.9
7.	Keusahawanan	87.1	12.9
8.	Pendidikan Alam Sekitar	38.5	61.5

Hasil pemerhatian penyelidik mendapati bahawa elemen bahasa di dalam buku ini amat baik kerana ia menggunakan Bahasa Arab Standard secara menyeluruh dan tiada sebarang kesalahan ejaan dan tatabahasa dikesan dalam buku ini. Justeru, penyelidik mengecualikan elemen ini daripada sebarang kiraan.

Didapati elemen Keusahawanan mendominasi kosa kata buku ini dengan nilai (87.1%), diikuti elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (74.8%), elemen Nilai Murni (47.3%), elemen Pendidikan Alam Sekitar (38.5%), elemen Sains dan Teknologi (23.8%), elemen Kreatif dan Inovatif (11.1%) dan elemen Patriotisme (0.67%). Manakala penonjolan elemen merentas kurikulum dalam bentuk ilustrasi, penyelidik mendapati elemen Kreatif dan Inovatif mendominasi peratusan dengan nilai (88.9%). Ia disusuli dengan elemen Sains dan Teknologi (76.2%), elemen Pendidikan Alam Sekitar (61.5%), elemen Nilai Murni (52.7%), elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (25.2%), elemen Keusahawanan (12.9%) dan elemen patriotisme (0.33%).

Jadual 2: Peratusan EMK Secara Keseluruhan Mengikut Keutamaan

Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Peratusan (%)	Keutamaan
Bahasa	-	-
Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK)	41.41	1
Nilai Murni	24.91	2
Pendidikan Alam Sekitar	13.13	3
Keusahawanan	10.43	4
Sains dan Teknologi	7.07	5
Kreatif dan Inovatif	3.03	6
Patriotisme	0.01	7

Mengikut peratusan taburan elemen merentas kurikulum yang diperoleh daripada buku teks Bahasa Arab tahun enam, didapati bahawa setiap elemen mempunyai taburan yang tidak seimbang dan ia dinyatakan pada jadual 2. Elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan elemen yang paling dominan dan elemen Patriotisme adalah yang paling sedikit.

Jurang perbezaan yang agak ketara antara elemen teknologi maklumat dan komunikasi dan elemen nilai murni sebanyak 16.5% menunjukkan bahawa penumpuan yang berlebihan terhadap teknologi berkemungkinan berasaskan kepada beberapa faktor seperti tarikan kepada minat generasi muda untuk mempelajari Bahasa Arab, perubahan trend semasa yang lebih mengintegrasikan teknologi maklumat dan kehidupan.

Didapati bahawa taburan Elemen Merentas Kurikulum agak tidak sekata dan kecenderungan terhadap elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi agak tinggi. Penyelidik berpandangan bahawa ketidakseimbangan elemen ini boleh merencatkan semangat Akta Pendidikan 1996 yang mahu mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

5.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, penerapan elemen merentas kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kementerian wujud dalam buku teks Bahasa Arab. Namun kadar taburannya perlu dilihat semula agar tiada elemen yang dikesampingkan bagi memastikan proses kemenjadian pelajar sekolah berada di landasan yang betul. Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik lain untuk

memperluaskan lagi skop kajian ke tahap dan bahasa yang lain. Semoga hasil daripada kajian ini digunakan dalam merekabentuk pembangunan model permainan mobil Bahasa Arab untuk sekolah rendah di Malaysia serta membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *DSKP Bahasa Arab Tahun 6*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Boyatzis, Richard E. 1998. *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006) Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2). pp. 77-101. ISSN 1478-0887
- Fleishman, Michael. (2004). *Exploring Illustration*. Ontario: Thompson.
- Roulston, Kathryn. 2010. *Considering Quality in Qualitative Interviewing*. London: Sage Publication